

08/09/1997

Tuduhan murtad lebih berbahaya

KUALA LUMPUR, Ahad - Ahli Majlis Tertinggi Umno, Tan Sri Sanusi Junid, menjelaskan tuduhan murtad terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah lebih berbahaya daripada kenyataan beliau sanggup bermandi darah untuk mempertahankan pemimpin negara itu.

Menurutnya, kenyataan itu dibuat kerana pembangkang sering memutarbelitkan kenyataan ulama dengan menggambarkan Perdana Menteri yang menjadi pejuang Melayu dan Islam sebagai murtad.

"Saya menyatakan kesanggupan untuk berjuang mempertahankan hero Melayu dan Islam ini sehingga ke titisan darah yang terakhir. Daripada kenyataan ini, darah yang akan mengalir adalah darah saya, bukan darah orang lain," katanya ketika menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno, semalam.

Sanusi yang mempertahankan kenyataannya baru-baru ini, juga mempersoalkan mengapa kenyataan beliau dianggap lebih mengancam daripada tuduhan murtad.

Katanya, orang Melayu perlu sedar bahawa tuduhan murtad adalah lebih berbahaya daripada kesanggupan mempertahankan pemimpin yang sering disalahtafsirkan.

Menurutnya, isu kafir-mengafir itu bermula pada 1962 apabila Dewan Ulama Pas mengeluarkan fatwa Umno itu haram kerana menjalin hubungan dengan kaum Cina dan India.

"Fatwa itu yang turut diputuskan Tok Guru Md Nor Tenggelap, Tok Guru Md Nor Selinsing dan Tok Guru Md Daud, dibuat berdasarkan maklumat pemimpin Pas bahawa kerjasama Umno bertujuan menjual agama dan bangsa.

"Bagaimanapun, apabila ketiga-tiga ulama Pas ini menemui Allahyarham Tun Razak mereka baru mengetahui perkara sebenar, kerana tujuan Umno bekerja dengan parti komponen untuk keamanan.

"Berikutan itu, ulama yang pernah mengeluarkan fatwa bahawa Umno itu kafir turut mengeluarkan fatwa bahawa Pas boleh bekerjasama dengan Umno. Ini bermakna tok guru yang pandai macam itu pun, ada benda yang dia tak tahu," katanya.

Sanusi berkata, selepas mengetahui tujuan sebenar kerjasama itu ketiga-tiga ulama Pas meninggalkan parti itu dan menyertai Umno.

Menurutnya, tindakan pemimpin Pas yang mengkafirkan ahli Umno itu juga antara faktor yang menyebabkan berlakunya peristiwa berdarah 13 Mei 1969, tetapi tidak diberikan perhatian.

"Golongan anti Islam di dunia ini tidak ingin lihat kebangkitan Islam. Apabila orang Melayu beragama Islam, maka Melayu itu tidak akan disenangi apabila kita berjaya.

Sehubungan itu, katanya, jika orang Melayu ingin menjadi bangsa yang berjaya mereka perlu membuang sikap buruk, termasuk rasa benci terhadap orang yang berjaya.

Ini katanya, disebabkan umat Islam tidak akan punah dari luar, tetapi dari dalam iaitu pertelingkahan dan rasa iri hati sesama sendiri.

(END)